

**Satu untuk Semua**

Pada cuti hujung minggu, Rajiv berkunjung ke rumah Hadif.

1

Kamu sedang buat apa di situ, Hadif?

Haziq tidak dapat datang kerana dia menolong ibunya mengemas rumah. akan datang ke sini setelah selesai menolong ibunya.

Saya sedang membaca e-buku ini. Kamu datang seorang sahaja? Mengapakah tidak datang bersama-sama dengan Haziq?

Marilah kita membaca bersama-sama di meja sana. Adik-adik saya hendak bermain di . Mereka akan mengganggu nanti.

Kamu boleh menggunakan tablet atau komputer riba itu. Saya pula akan menggunakan telefon bimbit milik ibu . Ibu sudah memberi keizinan.

2

3

Kalian sedang membaca e-buku?

Ayah, kita boleh membaca buku cerita yang sama secara serentak menggunakan peranti berbeza.

Ya, sedang membaca e-buku.

Terima kasih, Hadif. Bagaimanakah cara membaca e-buku ?

perlu memuat turun buku cerita yang telah dibeli. Kemudian, masukkan nama pengguna dan kata laluan.



**Munshi Cilik**

**Kata ganti nama** ialah kata yang menggantikan kata nama. Kata ganti nama terbahagi kepada dua, iaitu kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk.

- Kata ganti nama diri pertama: saya, aku, kita, kami
- Kata ganti nama diri kedua: kamu, awak, kalian
- Kata ganti nama diri ketiga: mereka, dia, beliau, ia
- Kata ganti nama tunjuk umum: ini, itu
- Kata ganti nama tunjuk tempat: sini, situ, sana

**Aktiviti**

Menggunakan kata ganti nama untuk melengkapkan dialog.



▪ Bimbing murid memahami dan menggunakan kata ganti nama mengikut konteks tidak formal.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: TMK